


NOTA PILIHAN 2019 SEJARAH TINGKATAN 5



TEMA 10...

TEMA 11...

TEMA 12...

SARAPA BIN ISMAIL
MRSM PENG. CHEPA
KOTA BHARU. KELANTAN

BAB 1 : KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

IMPRIALISME BARAT

Maksud Imperialisme

- Dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh
- Meluaskan pengaruh
- Menjajah ekonomi lain
- Demi kepentingan politi dan ekonomi

Kuasa Imperialisme dan Negara yang dijajah

- | | |
|--------------------|--|
| ▪ Sepanyol | ▪ Filifina |
| ▪ Britain | ▪ Tanah melayu, Sabah, Sarawak, Brunei dan Burma |
| ▪ Belanda | ▪ Indonesia |
| ▪ Perancis | ▪ Indochina |
| ▪ Amerika syarikat | ▪ Filifina |
| ▪ Portugis | ▪ Melaka dan Timor – Timur |

Faktor yang mempengaruhi Imperialisme Barat Di Asia Tenggara

- Kedudukan strategiK – antara China dan India
- Menarik minat kuasa imperialisme kerana menjamin pasaran yang luas
- Tanah subur – sesuai untuk semua jenis pertanian
- Cont : tebu, kopi, kelapa, getah, kelapa sawit dan tembakau
- Kaya dengan bahan mentah seperti rempah, bijih timah, kayu jati dan petroleum
- Asia Tenggara dapat menjamin bahan mentah yang berterusan dan konsisten – tampung kepesatan perindustrian
- Memerlukan pasaran baru untuk pasarkan hasil pengeluaran kilang
- Penggunaan kapal berkuasa wap membolehkan muatan lebih banyak
- Mempercepatkan perjalanan dari timur ke barat
- Pembukaan Terusan Suez 1869 – memendekkan jarak perjalanan, selamat dan menjimatkan kos
- Dapat menghubungkan antara Barat dan Timur
- Memberi arahan kepada pegawai-pegawai di tanah jajahan dan wakil perniagaan dengan cepat dan berkesan
- Persaingan antara kuasa barat menyebabkan Negara Asia Tenggara menjadi mangsa imperialism
- Keluasan tanah jajahan melambangkan kekuatan dan kekayaan
- Slogan Beban Orang Putih digunakan oleh British dan Belanda
- Mendakwa mereka lebih maju dan bertamadun
- Barat merasakan bertanggungjawab untuk memimpin orang timur kearah kehidupan yang lebih sempurna
- Perancis berusaha menyebarkan agama kristian melalui mubaligh kristian kepada penduduk tempatan

Keistimewaan Asia Tenggara yang menarik minat Imperialism Barat

- Kedudukan strategik – antara china dan india
- Menarik minat kuasa imperialisme kerana menjamin pasaran yang luas
- Tanah subur – sesuai untuk semua jenis pertanian
- Cont : tebu, kopi, kelapa, getah, kelapa sawit dan tembakau
- Kaya dengan bahan mentah seperti rempah, bijih timah, kayu jati dan petroleum
- Penduduk yang ramai dengan pasaran yang luas

NASIONALISMA DI ASIA TENGGARA

Maksud Nasionalisma

- Cinta kepada bangsa dan Negara
- Gerakan membebaskan tanah air
- Pembebasan daripada cengkaman penjajah.

Faktor-faktor yang mempengaruhi Nasionalisme di Asia Tenggara

Dasar barat

- Menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat
- Sistem birokrasi barat tidak member peluang sewajarnya kepada penduduk tempatan dalam sistem pentadbiran moden
- Rakyat terus kekal dalam ekonomi tradisional yang serba kekurangan
- Dasar penindasan terhadap penduduk peribumi – Sistem Polo dan Sistem Tanaman Paksa
- Mewujudkan sistem kelas dan wujud pula jurang sosial dikalangan rakyat
- Dasar keterbukaan penjajah terhadap kemasukan imigran

Agama

- Pengaruh agama menyatukan rakyat tempatan menghadapi penindasan, pengaruh budaya barat dan agama kristian
- Cont : Gerakan Islah di Indonesia dan Tanah Melayu serta Persatuan Belia Buddha di Burma
- Gerakan Islah – memperjuangkan Gerakan Pan-Islamisme – penyatuan dunia islam menentang penjajah
- Agama kristian di Sepanyol menyatukan penduduk peribumi untuk tentang Sepanyol yang menganggap penduduk kristian tempatan kelas kedua

Kesusasteraan

- Karya yang menyampaikan mesej kesensaraan dan kekecewaan terhadap penjajah
- Di Filipina : Novel Noli Me Tengere – Jose Rizal – mencetuskan semangat nasionalisme dan menjadi inspirasi gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.
- Di Indonesia : Kerikil-kerikil tajam dan ke makam bonda
- Di Tanah Melayu : Puteri Gunung Tahan

Pendidikan

- Sikap penjajah yang amalkan pilih kasih dalam menyediakan kemudahan pendidikan
- Mengutamakan sekolah yang menggunakan bahasa penjajah sebagai bahasa pengantar
- Memberikan pendidikan rendah kepada rakyat tempatan
- Pendidikan barat kepada golongan elit dan penduduk Bandar
- Cont : di Indonesia – anak golongan priyayi diberi pendidikan tersendiri dan diasingkan anak orang kebanyakan
- Di Burma : pendidikan secular dan pendidikan mubaligh – ancaman kepada sekolah Buddha
- Di Tanah Melayu : lepasan sekolah vernikular sukar mendapat pekerjaan berbanding sekolah Inggeris

Intelektual

- Kemunculan golongan intelektual berpendidikan barat dan asia barat
- Falsafah barat dan islam telah menyedarkan mereka untuk memimpin gerakan nasionalisme

Media

- Akhbar dan majalah – sebarikan dan tanam perasaan anti penjajah
- Cont : di Vietnam : Tribute Indigene dan Cloche Felee
- Di Tanah Melayu : Al-Ikhwan, Saudara, Warta Malaya dan Majlis.

Pengangkutan dan perhubungan

- Pengangkutan jalan raya dan jalan kereta api – memudahkan rakyat dan pemimpin bertemu dan membincangkan idea nasionalisme
- Perkhidmatan telefon dan telegraf – memudahkan hubungan dikalangan nasionalis

Pengaruh luar

- Kejayaan Jepun menewaskan China (1895) dan Rusia (1905) memberi keyakinan Negara kecil mengalahkan Negara besar
- Perjuangan Mahatma Ghandi di India – member inspirasi kepada nasionalis Asia Tenggara

Ciri-ciri Pergerakan Nasionalisme Di Asia Tenggara

Tahap Pertama

- Tidak berorganisasi
- sederhana
- Berpendidikan barat
- Tuntut hak dikembalikan
- Tuntut taraf hidup di baiki
- Kesedaran politik daripada tindakan politik
- Tidak menuntut merdeka segera

Tahap Kedua

- Berorganisasi
- Radikal
- Berpendidikan luas dalam pendidikan dan kebudayaan barat
- Tuntut kemerdekaan
- Membentuk kerajaan sendiri
- Tindakan politik hasil kesedaran politik
- Tuntut merdeka dan kerajaan sendiri segera

Perkembangan Nasionalisma di Filipina

Tahap pertama

- Dipimpin Jose Rizal
- Melalui pertubuhan Liga filipina
- Tuntut filipina dijadikan wilayah Sepanyol
- Untut bangsa filipina di beri hak sama seperti bangsa Sepanyol
- Desak kerajaan melakukan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial

Tahap kedua

- Dipimpin Andres Banifacio
- Melalui pertubuhan Katipunan
- Penentangan secara radikal
- Menyatu bangsa filipina
- Tuntut kemerdekaan secara revolusi
- Guna media cetak untuk sebar fahaman revolusi – kalayan
- Lancarkan revolusi bersenjata keatas Sepanyol

Perkembangan di Indonesia

Tahap pertama

- Dipimpin Aden Adjeng Kartini
- Melalui pertubuhan Muhammadiyah
- Tumpuan terhadap isu pendidikan
- Majukan pendidikan kaum wanita
- Dedahkan kemunduran rakyat
- Sebarkan islam sebenar
- Hindari ancaman sekularisme dan agama kristian
- Bina sekolah, klinik dan masjid.

Tahap kedua

- Dipimpin Soekarno
- Pertubuhan terlibat seperti Sarekat Islam, Parti Komunis Indonesia dan Parti Nasional Indonesia
- Perjuangan lantang oleh parti politik radikal
- Tuntut kemerdekaan secara revolusi
- Parti Nasional Indonesia Berjaya mempengaruhi rakyat
- Belanda tangkap Soekarno dan haramkan Parti Nasional Indonesia

Perkembangan di Thailand

Tahap pertama

- Dipimpin Nai Pridi Panomyong dan Phibul Songram
- Melalui pertubuhan Parti Rakyat
- Rasa tidak puas hati rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja
- Penentangan terhadap raja berkuasa mutlak
- Perkembangan barat melahirkan golongan intelektual
- Kelemahan sistem pentadbiran dan sikap boros Raja Vajirvudh
- Revolusi 1932 tamatkan sistem pemerintahan beraja

Tahap kedua

- Dipimpin Phibul Songhram
- Rasa tidak puas hati rakyat terhadap penguasaan ekonomi orang cina dan kapitalis barat
- Undang-undang menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi orang cina diluluskan
- Sekolah dan akhbar cina dibubarkan
- Penduduk peribumi digalakkan menyertai kegiatan ekonomi
- Jawatan tinggi kerajaan hanya untuk penganut agama Buddha
- Nama siam ditukar kepada Thailand
- Berkerjasama dengan Jepun.

BAB 2 : NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

Perjuangan Pemimpin Tempatan Menentang British

Sebab-sebab pemimpin tempatan menentang British

Dasar Penaklukan

- Bertujuan kukuhkan kedudukan politik
- Kawasan yang dijajah terikat dengan peraturan dan perintah mereka
- Cont : british mendapat Melaka dari Belanda
- Paksa naming menjadi jajahan takluk dan membayar ufti

Eksplotasi ekonomi

- Kuasai ekonomi untuk kepentingan mereka
- Buat perjanjian dengan pemimpin tempatan
- Membolehkan pedagang Negeri Selat mengusahakan perlombongan dan perdagangan timah

Pentadbiran barat

- Paksa penduduk tempatan menerima sistem pentadbiran barat
- Memperkenalkan sistem cukai dan peraturan tanah untuk mendapat hasil maksimum
- Cont : di Terengganu – British tetapkan tanah yang hendak dibuka mesti mendapat keizinan dan kenakan cukai tanah yang bertentangan dengan amalan tradisi

Campurtangan

- Campurtangan dalam adat resam tempatan
- Paksa penduduk menerima nilai barat yang bertentangan dengan nilai tempatan
- Cont : di Perak – campurtangan dalam amalan menggunakan orang suruhan

Kehilangan

- Pemimpin tempatan kehilangan pengaruh, kuasa, kawasan dan anak buah

Sokongan

- Penentangan pemimpin tempatan mendapat sokongan anak buah yang tertekan dengan undang-undang British yang menyulitkan kehidupan

Faktor-Faktor Pemangkin Nasionalisme

Pengenalan Sistem Politik Barat

- Memusnahkan sistem politik tempatan
- Residen mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan
- Pembesar diberi pencen - digantikan dengan pegawai British
- Mencabar amalan tradisi dan menjatuhkan maruah pembesar tempatan

Perkembangan Sistem Pendidikan

- Sistem pendidikan Inggeris dan sekolah vernakular Melayu diperkenalkan
- Melahirkan intelek Melayu
- Menggunakan idea baru bagi memajukan bangsa Melayu
- Menolak sebarang bentuk penjajahan Barat

Mesin Cetak

- Memberi kesan terhadap penyebaran ilmu pengetahuan
- Mendorong kepada penentangan terhadap British

- Contohnya; buku, akhbar, majalah, kitab agama
- Idea menentang penjajah dapat disebar

Dasar British

- Menggalakkan sesiapa sahaja datang melabur, berniaga, berdagang, bekerja & menetap di Tanah Melayu
- Kesannya kemasukan beramai-ramai imigran
- Menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan
- Mereka menguasai ekonomi Tanah seperti bijih timah, getah dan perniagaan
- Orang Melayu kekal dengan pertanian padi yang tidak dimajukan oleh British

Pendudukan Jepun

- Jepun dengan konsep “Kawasan Kesemakmuran Asia” .
- Kebebasan negara-negara Asia untuk menentukan kemajuan
- Meningkatkan persaudaraan di kalangan negara-negara
- Jepun berjanji akan memerdekakan mereka
- Kesengsaraan hidup akibat kekurangan makanan & ubatan serta kekejaman Jepun menimbulkan kebencian penduduk
- Tanggapan rakyat semua penjajah zalim dan menindas penduduk tempatan

Pembukaan bandar baru

- Sebagai pusat pentadbiran tetapi orang Melayu tetap di kampung yang mundur
- Prasarana seperti elektrik, pos, telefon, sekolah dan hospital telah meningkatkan taraf hidup di bandar
- Orang Melayu tetap tinggal di kampung dengan segala kekurangan
- Jurang taraf hidup orang tempatan dengan imigran dan penduduk Bandar
- Menyedarkan golongan intelek Melayu
- Mereka menjadikannya sebagai isu gerakan nasionalisme

Penguasaan Parti Komunis Malaya (PKM)

- Pada 1945, PKM berkuasa selama 14 hari
- Mula menyebarkan ideologi komunis
- PKM telah menguasai balai-balai polis, memerintah dengan kejam, membunuh & menangkap sesiapa sahaja yang dianggap sebagai penyokong Jepun
- Ramai orang Melayu terbunuh & rumah mereka dibakar
- Orang Melayu bertindak balas di Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Pahang
- Mewujudkan perbalahan kaum

Gerakan Pan-Islamisme Sedunia

- Merupakan gerakan intelektual Islam seluruh dunia
- Untuk membangkitkan kefahaman Islam untuk menentang penjajahan Barat
- Merangsang kesedaran semangat kebangsaan
- Bermula di Universiti Al-Azhar, Mesir oleh Syeikh Muhammad Abduh
- Tulisannya menekankan bahawa Islam adalah cara hidup yang menekankan kepentingan dunia & akhirat serta mendorong ke arah kemajuan dunia
- Gerakan Wahabi di Arab Saudi juga mendesak perkara yang sama

Kesedaran Politik di Asia Tenggara (serantau)

- Khususnya berlaku di Indonesia
- Mendorong kebangkitan semangat nasionalisme di Tanah Melayu
- Kesedaran politik Indonesia lebih matang
- Telah melahirkan ramai intelektual & karya mereka menjadi bahan bacaan penduduk Tanah Melayu

- Idea politik dan penentangan terhadap penjajahan tersebar luas di sini
- Kemasukan orang Indonesia ke Tanah Melayu memudahkan lagi penerimaan unsur kegiatan nasionalisme Indonesia di Tanah Melayu

AKHBAR : PENGGERAK KESEDARAN KEBANGSAAN

Penulis terkenal

- Zainal Abidin Ahmad(1920-an)
- Onn bin Jaafar dan Abdul Rahim Kajai(1930-an)

Akhbar terkenal

- Warta Malaya, Lembaga Malaya, Majlis, Utusan Melayu, Warta Negara, Fajar Sarawak

Tujuan penulisan

- Tulisan penulis-penulis tersebut telah membangkitkan kesedaran untuk memajukan diri dan bersatu padu
- Mengkritik dasar-dasar penjajah yang menekan orang Melayu
- Persoalan tentang sosial @ pendidikan, ekonomi dan politik yang dibangkitkan oleh akhbar secara menyeluruh tahun 1930-an bertujuan untuk menyedarkan & memajukan orang Melayu

Isu-isu yang dibangkitkan

Sosial / Pendidikan

- Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu
- Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan
- Menyeru orang Melayu supaya meninggalkan sikap negatif seperti memilih kerja & tidak mahu berusaha
- Menggalakkan tabungan di kalangan orang Melayu untuk tujuan pendidikan
- Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu(pertukangan & kerja tangan)
- Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu
- Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikannya nilai ekonomi
- Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British
- Menyeru orang Melayu supaya tidak meninggalkan pendidikan Islam
- Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat

Ekonomi

- Menggalakkan syarikat kerjasama
- Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang yang mengancam ekonomi tempatan
- Menggalakkan perniagaan di kalangan orang Melayu
- Melarang orang Melayu menjual tanah
- Menyeru orang Melayu berjimat cermat
- Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur

Politik

- Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu
- Mengkritik pembesar dan Raja-Raja Melayu (tidak melaksanakan kepemimpinan yang sewajarnya untuk rakyat)
- Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan
- Menuntut diadakan Malay Administrative Service) untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan
- Menyeru orang Melayu bersatu dalam sebuah pertubuhan kebangsaan

MAJALAH : PENGGERAK KESEDARAN KEBANGSAAN

Majalah Guru

- Muhamad Dato' Muda Linggi
- Yusuf Ahmad
- Mohd Sidin Rashid

Isu yang dibangkitkan

- Pendidikan anak-anak Melayu
- Menyeru perpaduan orang Melayu
- Meniupkan semangat cinta akan negara
- Membaiki taraf hidup orang Melayu
- Memajukan bahasa & sastera Melayu
- Menggalakkan perpaduan di kalangan guru sebagai pemimpin bahasa

Pengasuh

- Dato' Nik Mohamad

Isu yang dibangkitkan

- Membincangkan soal penafsiran Islam yang progresif bagi kemajuan ummah
- Menggalakkan pendidikan di kalangan orang Melayu
- Memperluas ilmu dalam semua bidang
- Memberikan pentafsiran kepada persoalan orang Islam
- Menggesa orang Melayu menjauhkan diri daripada sifat buruk

Bulan Melayu

- Zainon Sulaiman

Isu yang dibangkitkan

- Menggalakkan perpaduan di kalangan guru perempuan Melayu Johor
- Menggalakkan wanita mendapatkan pendidikan untuk kemajuan diri
- Mendorong wanita menjaga kesopanan dengan nilai-nilai Islam dan budaya Timur
- Menggalakkan wanita menjadi obor untuk memajukan bangsa

NOVEL : PENGGERAK KESEDARAN KEBANGSAAN

Novel : Keris Melaka

Pengarang : Ahmad Bakhtiar

Isu yang dibangkitkan

- Semangat perjuangan menentang penjajah Barat seperti Portugis
- Menghargai sumbangan tokoh-tokoh Kesultanan Melayu Melaka seperti Hang Tuah
- Menggunakan sejarah sebagai inspirasi dan pedoman untuk mendorong semangat perjuangan bangsa bagi generasi muda

Novel : Anak Mat Lela Gila

Pengarang : Ishak Haji Muhammad

Isu yang dibangkitkan

- Semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan
- Menghargai warisan bangsa sendiri
- Mencintai tanah air
- Menolak kesenangan demi maruah Bangsa

Novel : **Putera Gunung Tahan**

Pengarang : Ishak Haji Muhammad

Isu yang dibangkitkan

- Semangat wira pemuda tempatan dalam menjaga maruah bangsa
- Mencintai tanah air
- Berasa bangga dengan kebolehan sendiri
- Seorang gadis tempatan yang menolak cinta pegawai penjajah kerana tidak mahu menjatuhkan maruah bangsa

Novel : **Melor Kuala Lumpur**

Pengarang : Harun Aminur Rashid

Isu yang dibangkitkan

- Emansipasi @ kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupannya
- Wanita yang mementingkan pendidikan moden untuk kebaikan dirinya
- Membuang pandangan negatif yang boleh menghalang kemajuan bangsa

PERJUANGAN NASIONALISME OLEH PERSATUAN-PERSATUAN MELAYU

Kesatuan Melayu Singapura (KMS)

- Ditubuhkan pada tahun 1926 di Singapura
- Pengasasnya mendapat pendidikan Inggeris
- Mohammad Eunos Abdullah, Tengku Kadir Ali dan Embok Suloh
- Bertujuan untuk menjaga kepentingan sosioekonomi penduduk Melayu Singapura
- Peranan Mohammad Eunos Abdullah :
 - Menjadi wakil KMS dalam pentadbiran British
 - Dilantik menjadi Ahli Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat(mewakili orang Melayu)
 - Kejayaan beliau - kebajikan orang Melayu Singapura mendapat perhatian British
 - Memperoleh sebuah kawasan penempatan khas bagi orang Melayu di Singapura.
 - Mendorong penubuhan cawangan KMS di Melaka, Pulau Pinang dan negeri Melayu.

Persatuan Sahabat Pena (PASPAM)

- Ditubuhkan pada tahun 1934 dan dipimpin oleh S.M. Zainal Abidin B.A
- Tujuan penubuhan:
 - Menggalakkan ahli-ahlinya berkenal-kenalan
 - Bertukar-tukar pendapat bagi memajukan diri sendiri dan bangsa
- Organisasi PASPAM yang kemas dan mempunyai perlembagaannya sendiri telah mendapat sambutan hangat
- Walaupun tidak bersifat parti politik tetapi kegiatan sosial PASPAM menjadi asas kepada kesedaran perpaduan Melayu
- Persatuan negeri juga ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti di Perak(1937), Selangor(1938), Negeri Sembilan(1938) dan Pahang(1938)
- Objektif penubuhan- untuk menggabungkan tenaga intelektual Melayu bagi membincangkan nasib orang Melayu dalam soal ekonomi, pendidikan & perkhidmatan kerajaan
- Dengan ini, perpaduan di kalangan orang Melayu dapat digalakkan

Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak / sabah

1. Sarawak

- Persatuan Melayu Miri(1936)
- Persatuan Melayu Sarawak(1939)- diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.
- Tujuan Penubuhannya:
 - Mengeratkan perpaduan Melayu
 - Menggalakkan pendidikan
 - Menjaga budaya & maruah bangsa
 - Menegakkan ajaran Islam
 - Mendapat sambutan orang Melayu Sarawak (di Kuching)

2. Sabah

- Kesedaran berpersatuan tidak menonjol
- Terdapat cawangan Persatuan Sahabat Pena iaitu di Jesselton(Kota Kinabalu), Labuan dan Tawau
- Aktiviti mirip kepada kegiatan persatuan di Semenanjung
- Anggotanya terdiri daripada peniaga kecil, pegawai rendah kerajaan dan sekolah Melayu
- Kegiatan berpersatuan ini tidak tersebar ke kawasan pedalaman kerana kesulitan perhubungan dan taraf pendidikan yang masih rendah

Kesatuan Melayu Muda

- Ditubuhkan pada tahun 1939
- Dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob(wartawan akhbar Majlis)

Objektif:

- Menggalakkan perpaduan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung
- Meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu
- tujuan penubuhan KMM ialah lebih bersifat politik
- KMM bekerjasama dengan Jepun pada akhir tahun 1940 untuk menghalau British dari Tanah Melayu

Tindakan Ibrahim Haji Yaakob:

- Menjadikan KMM sebagai badan propaganda Jepun
- Membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propaganda antiBritish
- Mengelilingi Tanah Melayu untuk mencari sokongan
- Cawangan KMM juga ditubuhkan bagi meluaskan propaganda menentang British
- Maahad II Ihya Assyariff di Gunung Semanggol, Perak menjadi penyokong KMM
- Kesannya : Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad dan 150 orang penyokong KMM ditangkap British akhir tahun 1941 & dipenjarakan di Changi, Singapura

Kongres Melayu

- Kongres Melayu yang diadakan pada tahun 1939 dan 1940 merupakan kemuncak kesedaran kebangsaan orang Melayu menjelang Perang Dunia Kedua
- Soal kemunduran orang Melayu dalam pendidikan dan ekonomi serta layanan pilih kasih British kepada anak negeri telah dibincangkan
- Kongres ini disokong oleh golongan intelek dan akhbar-akhbar Melayu
- Resolusi kongres ini menggambarkan perpaduan Melayu untuk mengatasi masalah sosiekonomi & politik
- Orang Melayu dapat mengatasi perasaan kenegerian
- Kongres Melayu yang diadakan merupakan tanda kesepakatan orang Melayu di seluruh Semenanjung dalam satu gerakan nasionalisme

BAB 3 : KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

Latar Belakang Negara Dan Bangsa

a. Konsep Negara dalam Masyarakat Melayu Tradisional

- Wujudnya kerajaan kerana adanya raja, tanpa raja tidak wujud kerajaan
- Kedudukan raja begitu tinggi dan istimewa dalam sesebuah kerajaan
- Raja bertanggungjawab member perlindungan politik dan keselamatan rakyatnya
- Rakyat mesti mengakui kekuasaan raja selagi mendiami wilayah tersebut
- Sempadan sesebuah kerajaan / wilayah ditentukan oleh kesetiaan rakyatnya
- Kerajaan yang kuat akan menakluki dan menaungi negeri lain untuk membentuk empayar
- Kesultanan Melayu Melaka mempunyai banyak negeri naungan dan taklukan
- Negeri bererti kawasan seperti negeri Larut, negeri Bernam dan negeri Krian
- Keseluruhan kerajaan disebut negeri setelah kerajaan Melayu membuat perjanjian dengan kuasa asing

b. Konsep Negara Bangsa yang diperkenalkan British di Tanah Melayu

- Merujuk setiap kerajaan Melayu adalah negeri
- British menetapkan sempadan setiap negeri
- Konsep kerajaan ditukar kepada konsep negeri
- British memperkenalkan Malayan Union sebagai usaha membina Negara Bangsa moden
- Penubuhan persekutuan Tanah Melayu (PTM) – gabungan semua negeri Melayu dalam sebuah pentadbiran pusat
- PTM telah menjadi Tanah Melayu sebagai sebuah Negara Merdeka
- Persetujuan Sabah dan Sarawak menyertai PTM, telah wujudkan Negara Malaysia berdaulat.

c. Konsep Bangsa Dalam Konteks Negara Malaysia

- Kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan
- Kerakyatan / warganegara sesebuah Negara
- Lahir selepas persekutuan Tanah Melayu diistiharkan merdeka pada 30 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963
- Terdiri masyarakat berbilang kaum – berlainan bangsa, budaya, kepercayaan dan pendapat berkaitan dunia
- Penggunaan satu bahasa kebangsaan, mengamalkan kebudayaan kebangsaan dan rukun Negara dalam kehidupan
- Pembentukan Negara Bangsa hasil daripada perjuangan kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan pengekalannya

d. Maksud Pembinaan Negara Bangsa di Eropah

- Berasaskan sempadan rumpun bangsa dan persamaan bahasa

e. Usaha Ke arah Pembinaan Negara Bangsa Moden

- Bemula penghujung abad ke 18 dan ke 19
- Revolusi Inggeris (1688), Perang Kemerdekaan Amerika (1776) dan Revolusi Perancis (1789)
- Muncul idea tentang hak rakyat, kerajaan berpelembagaan dan Negara Bangsa moden
- Pertumbuhan nasionalisme ketika itu memperlihatkan bibit-bibit kelunturan entiti politik berasaskan keagamaan dan kemunculan idea Negara Bangsa
- Kebangkitan nasionalisme ini mengancam Empayar Austria, Rusia dan Turki yang mempunyai penduduk berbilang bangsa
- Usaha persamaan rumpun bangsa dan bahasa sebagai langkah penyatuan dan pembentukan Negara Bangsa masing-masing

- Kekalahan Jerman dan sekutunya dalam perang dunia pertama – persidangan damai Paris telah mencapai kesepakatan melalui Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson.
- Deklarasi mencadangkan 2 prinsip
 - i. Penentuan Negara oleh rakyat sendiri
 - ii. Pembentukan Negara bangsa masing-masing
- Empayar Austria-Hungary dan yang mengalami kekalahan telah dibahagikan mengikut etnik dan bangsa beroleh kemerdekaan
- Munculnya Negara bangsa baru seperti Czechoslovakia, Estonia, Finland, Latvia, Lithuania, Poland dan Yugoslavia

f. Proses Pembinaan Negara Bangsa di Itali

- Terbahagi kepada beberapa wilayah
- Dibahagikan utara – Venetia dan Lombardy yang dikuasai Austria
- Itali mahu satukan wilayah-wilayah mereka dibawah satu pemerintahan
- Mereka mahu menghalau orang Austria dari bumi mereka
- Count Camillo Benso berusaha menyatukan Itali melalui amalan realpolitik
- Beliau telah bekerjasama dengan Napoleon III untuk menentang Austria
- Count Camillo Benso Berjaya mendapat sokongan rakyat menyatukan Itali melalui pungutan suara
- Venetia diserahkan kepada Itali setelah bekerjasama dengan Prusia menewaskan Austria
- Count Camillo Benso telah menyatukan Rom dan Itali untuk membentuk sebuah Negara bangsa Itali selepas Perancis berundur dari Rom

g. Proses pembinaan Negara Bangsa di Jerman

- Otto Eduard von Bismarck mengamalkan realpolitik dan politik darah dan besi untuk menyatukan Jerman
- Menggunakan taktik tipu helah, pemalsuan dokumen, provokasi, penipuan dan ugutan untuk mencetuskan peperangan
- Rakyat bersedia menerima kediktatoran untuk menyatukan Jerman
- Menggunakan benci kuasa asing untuk memenangi dan membangkitkan semangat rakyat Prusia di medan tempur
- Melancarkan tiga peperangan – peperangan dengan Denmark (1864), peperangan dengan Austria (1866) dan peperangan dengan Perancis (1870)

h. Sebab-sebab Pembinaan Negara Islam di Madinah berbeza daripada Pembinaan Negara Bangsa di Eropah

- Penyatuan Negara Eropah mengamalkan realpolitik – kekerasan
- Asas penyatuan agama Islam adalah permuafakatan, etika moral dan menghormati hak orang lain
- Nabi Muhammad s.a.w. mengasaskan perlembagaan terlebih dahulu sebelum mengasaskan kerajaan Islam Madinah
- Piagam Madinah Berjaya menyatukan penduduk berbilang kaum di Madinah
- Penyatuan menggunakan diplomasi, musyawarah dan permuafakatan
- Wujudnya permuafakatan dan kerjasama antara pemimpin dengan pemimpin dan antara pemimpin dan rakyat

CIRI-CIRI NEGARA BANGSA

Negara

- Wilayah yang mempunyai penduduk, sempadan dan pemerintah
- Contohnya – Negara Malaysia yang terdiri daripada persekutuan tanah melayu, sabah dan Sarawak
- Mempunyai pemerintahan tersusun yang bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan

Bangsa

- Sekumpulan manusia yang mendiami satu-satu wilayah atau kawasan
- Mempunyai persamaan dari segi bahasa, adat resam, kesenian dan pengalaman sejarah

Kerajaan

- Institusi pemerintah yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar Negara
- Merangkumi badan yang membuat, mentafsir dan melaksanakan dasar-dasar Negara
- Berfungsi sebagai pengaman dan penentu arah kehidupan masyarakat sesebuah Negara
- Terdiri tiga badan utama – badan perundangan, badan pemerintah dan badan kehakiman

Perlembagaan

- Peraturan tertinggi sama ada bertulis atau tidak bertulis yang menjadi panduan dan rujukan bagi mentadbir sesebuah Negara
- Di Malaysia – perlembagaan bertulis yang didokumenkan dan menjadi rujukan untuk mentadbir Negara
- Memberikan jaminan perlindungan kepada rakyat Negara ini

KELANTAN SISTEM JEMAAH MENTERI

a. Sejarah Pembentukan Sistem Jemaah Menteri di Kelantan

- Diamalkan sejak pemerintahan Sultan Muhammad I (1801 – 1836)
- Sultan Muhammad II pula membentuk Sistem Jemaah Menteri bagi melicinkan pentadbiran Kelantan.
- Terdapat 8 badan Jemaah Menteri
- Setiap satu dianggotai oleh 4 orang pembesar yang mempunyai tugas masing-masing
- Penubuhan sistem jemaah menteri memantapkan lagi sistem pentadbiran kelantan
- Sultan muhammad II telah menyingkirkan kerabat diraja yang terlibat dalam pertikaian merebut kuasa
- menggantikannya dengan golongan pembesar bergelar Nik dan Wan. Pembesar ini membantu mengukuhkan kewibawaan baginda
- Pembesar ini membantu mengukuhkan kewibawaan baginda dengan memberikan taat setia kepada baginda.

b. Senarai Jemaah Menteri Dan Tugas-Tugas Setiap Jemaah Menteri

- Jemaah Penasihat Raja
Menguruskan perkara dan urusan penting yang bukan rashia
- Jemaah Menteri Istana
Menguruskan istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh negeri Kelantan
- Jemaah Menteri Keadilan Dan Kehakiman
Mengendalikan urusan penting tentang keadilan dan kehakiman
- Jemaah Menteri Dalam Negeri

- Menjaga keamanan negeri
- Jemaah Menteri Luar
Menguruskan dasar dan hal ehwal luar negeri
- Jemaah Menteri Perbendaharaan
Mengendalikan harta benda dan hasil mahsul
- Jemaah Menteri Peperangan
Menguruskan pertahanan dan keamanan negeri
- Jemaah Menteri Pentadbiran
Menguruskan kemajuan dan pembangunan negeri

Negeri Sembilan – Prinsip Demokrasi Dan Konsep Persekutuan

- Gelaran pemerintah tertinggi - Yang Dipertuan Besar
- Peranan undang
- a. Lantik Yang Dipertuan Besar
- b. Perunding setiap keputusan yang dibuat oleh Yang Dipertuan Besar
- c. Menjadi ketua luak
- Luak utama - Rembau , johol, sungai ujong dan jelebu.

a. Unsur-unsur Demokrasi dalam Sistem Pemerintahan Negeri Sembilan

- Pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih. Mengikut adat perpatih Kedaulatan berada di tangan rakyat
- Perlantikan pemimpin dibuat dari peringkat paling bawah. Iaitu anak buah melantik buapak, buapak melantik lembaga, lembaga melantik Undang. Undang melantik Yang Dipertuan Besar
- Yang Dipertuan Besar tidak berhak melantik pembesar. Walaupun YDB merupakan pemerintah tertinggi. Pembesar dilantik oleh Undang, Lembaga, Buapak dan Anak Buah
- Yang Dipertuan Besar tidak boleh membuat keputusan dalam pentadbiran. Sebaliknya keputusan yang dibuat oleh Yang Dipertuan Besar adalah hasil perundingan dengan Undang
- Negeri sembilan dibahagikan kepada beberapa daerah atau jajahan yang disebut luak
- Jajahan yang dibahagikan dipanggil luak
- Ketua luak yang dipilih oleh lembaga dan akan mengetuai daerah
- Lembaga pula bertanggungjawab terhadap suku masing-masing atau ketua suku yang dilantik buapak
- Buapak pula ketua perut
- Tempat rujukan anak buah bagi setiap masalah terutama berkaitan dengan adat

b. Unsur-unsur penting Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan di Negeri Sembilan

- Kepentingan bersama
- Semangat gotong royong
- Muafakat dikalangan masyarakat untuk memilih pemimpin
- Saling menghormati antara satu sama lain
- Sistem pemerintahannya telah melahirkan peraturan hidup

BAB 4 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

Persekutuan Tanah Melayu

a. Faktor Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu

- Ketegasan orang melayu menentang malayan union di bawah pimpinan dato onn jaafar
- Perpaduan orang melayu dari semua golongan – raja dan rakyat mengatasi pihak lain yang menyokong Malayan union
- Sokongan bekas pegawai british yang pernah berkhidmat di tanah melayu sebelum perang dunia kedua
- Sokongan pegawai tinggi british yang membantu orang tempatan menggantikan Malayan union dengan persekutuan tanah melayu
- Sikap politik orang melayu yang sederhana – menulis dalam akhbar, berdemonstrasi, berkongres dan memujuk raja melayu menyokong nya.
- Tidak mengangkat senjata seperti parti komunis Malaya
- UMNO dan raja-raja melayu hanya menuntut rundingan untuk menolak malayan union
- Tidak menuntut kemerdekaan daripada british.
- British bimbang orang melayu akan dipengaruhi oleh gerakan politik indonesia yang dikuasai oleh golongan radikal
- Gesaan piagam atlantik 1945 – tidak menggalakkan penjajahan baru
- Member latihan kearah berkerajaan sendiri kepada penduduk tempatan

b. Nama Pegawai British yang menyokong Pembubaran Malayan Union

1	Sir Frank Swettenhem	3	Sir George Maxwell
2	R. O. Winstedt	4	Sir Cecil Clementi

c. Langkah Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Menubuh jawatankuasa Eksekutif yang terdiri 12 orang ahli
- Pegawai british, pemimpin UMNO dan wakil raja-raja melayu
- Lima tuntutan dikemukakan dalam mesyuarat jawatankuasa eksekutif.
- Rundingan ditentang oleh golongan radikal Melayu pimpinan Dr. Burhanuddin al- Helmi.
- Berpendapat jawatankuasa eksekutif tidak mewakili semua kaum dan orang dagang
- Mereka menuntut sebuah negara republik dan kemerdekaan penuh
- Majlis Tindakan Bersama Seluruh Malaya atau All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).
- Mereka mengadakan ceramah politik, demonstrasi dan mogok
- Mencadangkan sebuah Perlembagaan Rakyat.
- British telah menubuhkan Jawatankuasa Perunding bagi mendapatkan pandangan dan menyediakan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.
- Perjanjian persekutuan tanah melayu 1948 ditandatangani pada 21 januari 1948 antara raja-raja melayu dengan british di king's house kuala lumpur

d. Tuntutan orang melayu terhadap British dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif

- Raja-raja Melayu dan UMNO menolak semua prinsip Malayan Union
- Menginginkan sebuah persekutuan seperti konsep Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- menolak kerakyatan terbuka Malayan Union
- Meminta dasar perlindungan terhadap negeri-negeri Melayu
- menuntut kuasa Raja-Raja Melayu sebagai ketua Negeri-negeri Melayu diakui.

e. Tindakan AMCJA – PUTERA setelah diketepikan Jawatankuasa Eksekutif dalam rundingan Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu

- Menentang british dan UMNO kerana jawatan kuasa eksekutif tidak mewakili orang dagang dan golongan radikal melayu
- Mengambil tindakan seperti berceramah politik, demonstrasi dan mogok
- Turut mencadangkan sebuah perlembagaan rakyat untuk semua kaum

f. Ciri-ciri Perlembagaan Rakyat yang dicadangkan oleh AMCJA – PUTERA

- Singapura disatukan dengan Tanah Melayu
- Sebuah kerajaan pusat dan Majlis-majlis Negeri dipilih
- Raja-raja Melayu mempunyai kuasa sebenar dan bertanggungjawab kepada rakyat
- Kedudukan istimewa orang Melayu dikembalikan
- Adat istiadat dan agama Islam dikawal oleh orang melayu
- Kerakyatan yang sama rata
- Merah dan putih menjadi warna bendera Tanah Melayu
- Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi
- Pertahanan menjadi tanggungjawab bersama British dan Tanah Melayu
- warganegara Tanah Melayu dikenali Melayu

g. Ciri-Ciri Utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Pembentukan sebuah persekutuan dengan gabungan 11 buah negeri.
- Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British.
- Beliau dibantu oleh dua buah majlis, iaitu Majlis Eksekutif Persekutuan Tanah Melayu dan Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu.
- Pentadbiran negeri diuruskan oleh Menteri Besar dan dibantu oleh Majlis Eksekutif Negeri dan Majlis Perundangan Negeri.
- Pewujudan Konsep Raja Berpelembagaan .
- Pewujudan Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.
- Pelindungan khas orang Melayu diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British
- Pemberain kewarganegaraan diketatkan
- British mengiktiraf ketuanan melayu sebagai asas pembentukan persekutuan tanah melayu
- Penubuhan Majlis Raja-Raja Melayu bagi membincangkan hal ehwal Raja-Raja Melayu dan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu secara umum.

BAB 5 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

Sistem Ahli

- Suatu sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Tanah Melayu.
- Idea dicadangkan oleh Dato' Onn Ja'afar hasil perbincangan Dengan Sir Henry Gurney Di Kuala Lumpur
- Mencadangkan agar model negara Kenya dan Rhodesia utara dilaksanakan di tanah melayu
- British menyetujuinya sebagai satu dasar dekolonisasi.
- Mengurangkan tekanan daripada pihak komunis malaya mempengaruhi penduduk

a. Ciri-ciri Sistem Ahli

- Satu sistem kabinet bayangan.
- Anggota Sistem Ahli dikenali sebagai Ahli.
- Pelantikan dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan
- Sistem ini dianggotai sembilan orang ahli (4 pegawai British,3 Melayu, 1Cina, 1 India).
- Ahlinya diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

b. Tanggungjawab Ahli dalam Sistem Ahli

- Setiap ahli diberi satu portfolio yang mengandungi beberapa jabatan kerajaan
- Menguruskan pentadbiran harian jabatan mengikut dasar yang sedia ada
- Bertanggungjawab Mencadangkan undang-undang yang berkaitan untuk dibentangkan dalam majlis perundangan
- Ahli-ahli akan berbincang dengan pegawai kanan british untuk mendapat persetujuan bersama undang-undang yang dicadangkan
- Secara umumnya, cadangan undang-undang adalah pendirian pentadbiran british

c. Kepentingan Sistem Ahli

- Asas bagi melatih orang tempatan untuk berkerajaan sendiri.
- Gabungan kaum-kaum dalam pentadbiran negara untuk mewujudkan perpaduan kaum
- Asas penting untuk menentukan kemerdekaan yang bakal dicapai akan dapat didukung oleh seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.
- Memberi pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan untuk menerajui negara

d. Senarai Ahli dan Portfolio Sistem Ahli

- | | |
|---------------------------------------|--|
| • Dato' Onn Jaafar | • Ahli dalam Negeri |
| • O.A.Spencer | • Ahli Ekonomi |
| • Tunku Yakob Ibni Sultan Abdul Hamid | • Ahli Pertanian Dan Perhutanan |
| • Dr. Lee Tiang Keng | • Ahli Kesihatan |
| • Dato' E. E. C. Thuraisingam | • Ahli Pelajaran |
| • J. D. Hodgkinson | • Ahli Perindustrian dan Hubungan Sosial |
| • J. D. Mead | • Ahli Perumahan dan Kerja Raya |
| • Dato' Mahmud Mat | • Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan |

Pakatan Murni

a. Maksud Pakatan Murni

- Usaha bersama untuk menghasilkan kerjasama
- Tolak ansur politik melalui rundingan
- Merupakan jalan penyelesaian tuntutan dan masalah kaum
- Merupakan usaha menyatupadukan kaum

b. Usaha mewujudkan perpaduan kaum bagi merealisasikan Pakatan Murni

- Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum - ditubuhkan pada bulan Januari 1949 di Pulau Pinang
- Ahli – kaum Melayu, Cina, India, Sri Lanka, Serani Dan Eropah
- Untuk memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar terutamanya orang Melayu
- Diberikan kepada imigran yang lahir dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat ibubapanya rakyat tanah Melayu
- Diadakan pada masa sesuai diperingkat Perbandaran, Negeri Dan Majlis Perundangan Persekutuan
- Dato' Onn mencadangkan pembukaan ahli UMNO kepada bukan Melayu pada tahun 195
- Penubuhan parti kemerdekaan Malaya yang terbuka kepada semua kaum yang ingin mencapai kemerdekaan
- Mengadakan persidangan kebangsaan untuk mencapai kerjasama politik dan mengurangkan perasaan perkauman
- Tunku Abdul Rahman menganjurkan konvensyen kebangsaan bersama MCA dengan disertai pelbagai parti yang sah

c. Kejayaan Parti Perikatan dalam melaksanakan Pakatan Murni

- Memenangi 9 daripada 12 kerusi dalam Pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952
- Memenangi 26 daripada 37 kerusi dalam Pilihanraya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama
- Memenangi 226 daripada 268 kerusi dalam pilihanraya negeri pada tahun 1954
- MIC menyertai Parti Perikatan pada tahun 1955
- Menyertai pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan pada 27 Julai 1955
- Mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun
- Mewajibkan pendidikan
- Jadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan
- Menjaga hak asasi manusia
- Melindungi hak raja-raja Melayu sebagai raja berpelembagaan
- Memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan Dalam Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955
- Kemenangan parti perikatan membolehkan Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri dan membentuk Kabinet
- Anggota kabinet terdiri daripada pelbagai kaum
- Berfungsi sehingga mencapai kemerdekaan
- Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan kemerdekaan ke London untuk berunding dengan Setiausaha Tanah Jajahan British
- Sebuah Seruhanjaya Bebas untuk mengkaji telah dibentuk
- British bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957
- Tunku Abdul Rahman membuat pengistiharan tarikh kemerdekaan di Bandar Hilir Melaka

d. Langkah ke arah Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

- | | |
|-------------------------|--|
| • Jan 1951 – Julai 1955 | • Pelaksanaan Sistem Ahli |
| • Julai 1955 | • Pilihanraya Mesyuarat Perundangan Persekutuan Diadakan |
| • Ogos 1955 | • Pembentukan Kabinet Pertama Oleh Perikatan |
| • Februari-Mei 1956 | • Perundingan Kemerdekaan Diadakan Di London |
| • 31 Ogos 1957 | • Pengistiharan Kemerdekaan Tanah Melayu |

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

a. Suruhanjaya Reid

- Di bentuk pada bulan mac 1956
- Membincang dan menyusun perlembagaan
- Diketuai oleh Lord Reid (Hakim Besar British di T.Melayu), Sir Ivor Jennings (England), Sir William McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia), Tuan B.Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India) dan Tuan Abdul Hamid (Pakistan)
- Peranan Suruhanjaya Reid
 - merangka sebuah perlembagaan bagi Tanah Melayu yang akan merdeka.
 - Membincang dan menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka

b. Isu-isu yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid bagi merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang-bidang tertentu
- Kedudukan khas Raja-Raja Melayu
- Hak istimewa orang Melayu
- Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu
- Kerakyatan jussoli yang menjadi tuntutan orang dagang tidak diterima oleh orang melayu
- Kerakyatan jussoli dengan member hak samarata melemahkan kedudukan orang melayu
- Orang melayu menerima kerakyatan jussoli dengan syarat orang bukan melayu mengiktiraf orang melayu dalam perlembagaan persekutuan
- Agama islam sebagai agama rasmi persekutuan
- Bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan

c. Isi-isi penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan
- Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri
- Melalui Searai Persekutuan dan Senarai Negeri
- Institusi Raja dijadikan Raja berpelembagaan peringkat negeri dan Negara
- Tiga jenis kerakyatan diwujudkan
- *Secara kuatkuasa undang-undang,*
- Secara permohonan dan Secara Naturalisasi. (kerakyatan yang diluluskan oleh YDP Agong bagi mereka yang dianggap berjasa kepada negara)
- Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan
- Tanah Simpanan Melayu dikekalkan
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- YDP Agong menjadi Ketua Negara
- Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen.
- Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen
- Menteri besar sebagai pelaksana pentadbir
- Dibantu oeh dewan undangan negeri dan EXCO

d. Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- Membolehkan sebuah kerajaan demokrasi dengan konsep Raja berpelembagaan dibentuk
- Semua kaum menyokongnya kerana dapat mewujudkan perpaduan yang kukuh
- Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa pertumpahan darah
- Memberi hak mutlak kepada kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara yang merdeka dan berdaulat mengikut acuan sendiri
- Semua pihak tanpa mengira kaum berusaha melahirkan identiti masyarakat yang Merdeka
- Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa dapat diketepikan

BAB 6 : PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

Cadangan Ke Arah Pembentukan Malaysia

a. Tokoh-tokoh yang mencadangkan Pembentukan Gagasan Malaysia

1887	<ul style="list-style-type: none">• Lord Brassey	<ul style="list-style-type: none">• Cadang gabungkan Sarawak dan Sabah dengan Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat
1948	<ul style="list-style-type: none">• Sirt Malcom Mcadonald	<ul style="list-style-type: none">• Cadang gabungkan Sabah, Sarawak, Brunei , Singapura Dan Persekutuan Tanah Melayu
1955	<ul style="list-style-type: none">• Lim Yew Hock	
1955	<ul style="list-style-type: none">• David Marshall	
1956	<ul style="list-style-type: none">• Dato' Onn Jaafar	<ul style="list-style-type: none">• Cadangkan Persekutuan Tanah Melayu Dinamai Malaysia• British akan menggabungkan Sabah, Sarawak, Singapura, Brunei Dan Persekutuan Tanah Melayu
1959	<ul style="list-style-type: none">• Lee Kuan Yew	<ul style="list-style-type: none">• Desak British berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu Sahaja• Tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman kerana berlaku ketidak seimbangan penduduk
1961	<ul style="list-style-type: none">• Tunku Abdul Rahman	<ul style="list-style-type: none">• Mencadangkan pembentukan Malaysia pada 27 mei 1961• Semasa makan tengah hari Anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri Di Hotel Adelphi, Singapura• Menyuarakan harapan supaya negara Malaysia dapat dibentuk bagi menjamin satu kedudukan politik yang lebih kukuh

b. Faktor yang membawa kepada Pembentukan Malaysia 1963

- Lee kuan yew ingin bergabung dengan malaysia kerana parti sosialis memenangi pilihanraya hong lim
- Melemahkan parti tindakan rakyat
- Membimbangkan kerajaan british kerana menggugat merancangnya untuk memberi kemerdekaan kepada singapore
- Desak british gabungkan singapore dan persekutuan tanah melayu kerana ancaman komunis
- Persekutuan tanah melayu berpengalaman dalam membentaras pengaruh komunis pada zaman darurat
- Di sarawak – komunis diperjuangkan oleh clandestine communist organization untuk menjadikan sarawak wilayah komunis
- Penyertaan sabah, sarawak dan singapore dapat dijadikan benteng untuk menentang komunis
- Mendorong tunku abdul rahman mengemukakan idea pembentukan malaysia

- Pembentukan malaysia dapat mempercepatkan kemerdekaan sabah, sarawak dan brunei yang masih tidak mampu berkerajaan sendiri
- Penyertaan ini dapat menjamin kemerdekaan lebih awal.
- Mengikut perancangan, malaysia akan ditubuh dalam tempoh dua tahun
- Semua wilayah terlibat dapat pembangunan dari segi ekonomi, politik dan sosial
- Dasar dekolonisasi british terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun
- Semua negara di asia akan mendapat kemerdekaan.
- Semasa persidangan agung pertubuhan bangsa-bangsa bersatu (PBB) usul pemberian kemerdekaan tanah jajahan ditimbulkan.
- Dapat memberi kestabilan politik kepada asia tenggara
- Menghalang pengaruh komunis di singapura dan borneo
- Memastikan kepentingan british terkawal terutama pengkalannya di singapura
- Wujudkan pasaran yang lebih luas untuk menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian
- Dapat memanfaatkan keistimewaan dan sumber yang ada di negeri ini
- Cont : tanah melayu (getah dan bijih timah), sabah dan sarawak (kayu balak) dan brunei (minyak)
- Meseimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum dikalangan negara anggota
- Untuk mempercepatkan kemerdekaan bagi negar-negara anggota
- Membangunkan negeri-negeri yang belum membangun seperti sabah dan sarawak
- Persepakatan dan semangat setiakawan negara anggota dapat memajukan negeri masing-masing.

c. Reaksi Dalam Negeri

i. Persekutuan Tanah Melayu

- Kebanyakan parti politik menyokong tetapi berbeza dari segi pelaksanaannya
- PAS – minta supaya dirundingkan dulu dikalangan penduduk persekutuan tanah melayu
- UMNO – bersetuju dengan pergabungan brunei, sabah dan sarawak tanpa singapura

ii. Singapura

- Lew kuan yew dan PAP menyokong kerana bimbang pengaruh parti berhaluan kiri.
- Kerana ingin mempertahankan kedudukannya
- Parti sosialis menentang idea ini kerana menganggap penjajahan baru
- Tuntut diadakan pandangan rakyat sebelum sertai gagasan Malaysia

iii. Sarawak

- Awalnya menolak
- Tidak yakin untuk berkerajaan sendiri
- Akhirnya menyokong, setelah di beri penerangan tentang gagasan malaysia
- PANAS, SNAP, BERJASA, SCA dan PESAKA menyokong gagasan ini

iv. Sabah

- Awaknya menolak kerana belum yakin untuk berkerajaan sendiri
- Kemudiannya menyokong – USNO, pasok momongum, parti bersatu dan parti demokratik

v. Brunei

- Awalnya sultan omar ali saifiddin menyokong gagasan malaysia
- Sultan dan majlis mesyuarat undangan menangguhkan kerana pemberontakan A. M. Azahari
- Akhirnya menarik diri dari menyertai gagasan malaysia

d. Tuntutan Sabah dan Sarawak sebagai syarat menyertai Malaysia

- Snarai tuntutan 20 perkara oleh Sabah dan Sarawak untuk dimasukkan kedalam perlembagaan baru
- Untuk melindungi hak dan kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak
- Memasukkan hak wilayah asing kedalam gagasan Malaysia
 - Ketua anak negeri
 - Bahasa kebangsaan
 - Agama Islam
 - Kerakyatan
 - Peruntukan kewangan
 - Pelajaran
 - Kedudukan keistimewaan penduduk asal negeri
 - Imigresen

e. Reaksi Luar Negara

i. Reaksi Indonesia

- Membantah pembentukan Malaysia
- Menganggap satu Neokolonialisme yang mengancam Indonesia
- Pandangan PKI ini mempengaruhi Presiden Soekarno
- Lancarkan konfrontasi dari segi ekonomi dan kemasyarakatan
- Melaksanakan konsep Gayang Malaysia
- Menyerang kapal-kapal nelayan di Tanah Melayu
- Menceroboh ruang udara
- Melancarkan serangan melalui Johor, Sarawak dan Sabah memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia
- Memburuk-burukkan nama di negara Afro-Asia dan Negara Dunia Ketiga
- Tindakan diambil oleh Malaysia
- Malaysia minta bantuan tentera Komenwel
- Membuat Perjanjian Pertahanan dengan Britain
- Menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung PBB

ii. Reaksi Brunei

- Presiden Filipina membuat pengumuman rasmi terhadap Sabah pada Jun 1962
- Mendakwa Sabah sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu
- Tuntutan ini berdasarkan perjanjian Januari 1878 antara Sultan Jamalul Alam dengan Overback
- Perjanjian diistiharkan tamat oleh waris Sultan Sulu terakhir iaitu Esmail Kiram pada Januari 1958.
- Jun 1966, Filipina mengiktiraf Penubuhan Malaysia
- Menjalin hubungan baik melalui MAPHILINDO

e. Langkah-Langkah Pembentukan Malaysia

- Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak, Sabah dan Brunei untuk menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia
- Rundingan telah diadakan antara pegawai-pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu dengan pegawai-pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura
- Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) telah ditubuhkan untuk menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia
- Mengumpul pandangan penduduk dan menggalakkan kegiatan kearah pembentukan Malaysia
- Ahli JPPK bersepakat mengemukakan satu memorandum yang mengandungi pandangan dan pendapat rakyat Sarawak dan Sabah kepada Suruhanjaya Cobbold

- Suruhanjaya Cobbold dibentuk bagi meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah
- Cadangan Suruhanjaya Cobbold diperincikan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)
- JAK ditubuhkan untuk menerangkan penubuhan Malaysia dan kepentingan penduduk Sabah Sarawak
- Mesyuarat diadakan bagi mewajarkan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam gagasan Malaysia
- Ketiga-tiga negara bersetuju mencari penyelesaian dengan bantuan daripada PBB
- Wakil PBB – Lawrence Michaelmore dihantar untuk meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sabah dan Sarawak.

f. Suruhanjaya Cobbold

- Anggota - Lord Cobbold, Sir Anthony Abell, Sir David Watherston, Wong Pow Nee Dan Tan Sri Ghazali Shafie.

i. Peranan / Tugas Suruhanjaya Cobbold

- Telah meninjau pendapat penduduk Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia
- Membuat penilaian dan kemukakan cadangan kepada pihak British
- Menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan
- Kemukakan laporan kepada kerajaan British tentang pandangan penduduk Sabah dan Sarawak
- Mengemukakan beberapa cadangan tentang pembentukan Malaysia

ii. Hasil Laporan Suruhanjaya Cobbold

- 1/3 penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat
- 1/3 penduduk Sarawak dan Sabah menyokong dengan syarat, kepentingan mereka harus dilindungi
- 1/3 lagi menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia

iii. Cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Cobbold

- Perlembagaan Malaysia yang baru harus berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigrasinya
- Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
- Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah
- Pemberian nama Malaysia kepada negara yang baru dibentuk
- Penentuan tarikh penubuhan Malaysia

BAB 7 : SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

RAJA BERPELEMBAGAAN

a. Maksud Raja Berpelembagaan

- Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam perlembagaan Malaysia

b. Kosep Umum Yang Di-Pertuan Agong

- Jawatan yang wujud sejak tahun 1957
- Ketua utama negara
- Simbol perpaduan dan keutuhan rakyat
- Bertindak berasaskan perlembagaan dan nasihat perdana menteri
- Tidak boleh bertindak bersendirian dan memerlukan budibicara baginda untuk membuat keputusan
- Dipilih dari sembilan buah negeri secara bergilir-gilir selama lima tahun sekali
- Pemilihan nya dibuat mengikut peruntukan perlembagaan
- Pemilihan dibuat oleh Majlis Raja-Raja Melayu

c. Bidang kuasa Yang Di-Pertuan Agong

- Sebagai Ketua Utama Negara Yang di-Pertuan Agong mengetuai tiga badan atau bahagian kerajaan, iaitu Badan Perundangan (Legislatif), Badan Pelaksana (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari)
- Baginda mempunyai kuasa menerima atau menolak permintaan untuk memanggil dan membubarkan Parlimen.
- Baginda merupakan Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata persekutuan Malaysia dan kuasanya dilaksanakan oleh Majlis Angkatan Tentera.
- Baginda berkuasa meringankan hukuman dan melengahkan hukuman berkaitan dengan kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera.
- Yang di-Pertuan Agong berkuasa mengampunkan dan menangguhkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera atau dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.
- Baginda bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu.
- Selain itu, baginda boleh menitahkan Majlis Raja-raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan, dan kemuliaan Raja-raja Melayu.
- Baginda merupakan ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah.
- Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri.
- Baginda mempunyai kuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalannya setelah mendapat nasihat Perdana Menteri.
- Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan undang-undang darurat jika mendapati keselamatan Negara terancam.
- Baginda melantik Pengerusi dan tiga orang ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, ahli Perkhidmatan Kehakiman serta Penegrusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- Baginda bertanggungjawab melantik Peguam Negara dan seorang Ketua Audit Negara bagi Persekutuan.
- Yang di-Pertuan Agong juga merupakan kuasa tertinggi yang menauliahkan duta-duta Negara kita.

Kuasa Pemerintahan

- Malaysia sebuah negara Demokrasi Berparlimen yang mengamalkan Pengasingan Kuasa
- Kuasa pemerintahan terbahagi kepada tiga cabang
 - a. Badan Peundangan
 - b. Badan Pelaksana
 - c. Badan Kehakiman
- Di pegang oleh pihak berasingan untuk mengelakkan pembolotan kuasa

a. Badan Perundangan (Legislatif)

- Fungsi badan perundangan adalah menggubal undang-undang bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat.
- Parlimen ialah badan perundangan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan
- Parlimen terdiri daripada yang dipertuan agong, dewan rakyat dan dewan negara

i. Ciri-ciri Dewan Negara

- Dewan Negara merupakan dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan Negara kita.
- Dewan Negara mengandungi 69 orang ahli.
- Keahliannya dipilih daripada 13 buah negeri iaitu dua orang ahli yang dipilih oleh setiap Dewan Undangan Negeri.
- Dua orang ahli yang dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang anggota mewakili Wilayah Persekutuan Labuan.
- Ahlinya terdiri daripada ahli politik, orang awam dan individu yang mempunyai pengalaman dalam pelbagai bidang dan berjasa kepada negara
- Ahli Dewan Negara digelar Senator. Senator mewakili setiap negeri dan dilantik tanpa bertanding dalam pilihan raya.
- Seorang Senator memegang jawatan dalam tempoh tiga tahun.
- Senator mestilah berumur sekurang-kurangnya 30 tahun. Taraf Senator sama dengan Ahli Parlemen. Mereka boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri.
- Taraf Senator sama dengan Ahli Parlemen. Mereka boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri.
- Mereka boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri.

ii. Ciri-ciri Dewan Rakyat

- ahli-ahlinya dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya umum.
- Dewan Rakyat mengandungi 219 orang ahli yang mewakili semua kawasan pilihan raya di seluruh Negara.
- Tempoh jawatan bagi anggota ahli Dewan Rakyat ialah lima tahun.
- Berumur 21 tahun ke atas
- Tugas utama Dewan Rakyat adalah menggubal dan meluluskan undang-undang di peringkat Dewan Rakyat.
- Undang-undang yang dibuat oleh parlimen dinamai akta

Pilihanraya

a. Pihak yang terlibat

- Keanggotaannya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.
- Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan untuk menjamin pilihan raya yang adil dan bebas tanpa tekanan parti pemerintah atau pembangkang.

b. Tugas Suruhanjaya Pilihan Raya

- mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya
- menjalankan pendaftaran pemilih
- menjalankan pilihan raya sama ada pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.
- Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan untuk menjamin pilihan raya yang adil dan bebas tanpa tekanan parti pemerintah atau pembangkang.

c. Proses Pilihan Raya di negara kita

- YDPA membubarkan parlimen
- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan tarikh penamaan calon dan hari mengundi.
- Penamaan calon
- Parti yang bertanding menyiapkan manifesto.
- Kempen pilihan raya
- SPR mengumumkan tempat mengundi dan tempat pengiraan undi
- Di tempat mengundi, pengundi diberikan kertas undian yang mengandungi lambang parti calon yang perlu dipilihnya.
- Pengundi akan memangkah calon yang dipilih pada kertas undi dan memasukkan kertas undi dalam peti undi
- Pengiraan Undi
- Pegawai Pilihan Raya mengumumkan keputusan pilihan raya.

d. Syarat-syarat seseorang yang ingin bertanding dalam Pilihan Raya

- Mestilah warganegara malaysia
- Berumur 21 tahun
- Bermastautin di malaysia
- Mempunyai akal yang sempurna
- Bukan orang yang muflis
- Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awan
- Tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan dalam mahkamah
- Hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri jika dihukum penjara tidak kurang daripada 12 bulan dan denda tidak kurang dari RM2000 dan belum mendapat pengampunan
- Calon boleh bertanding atas nama parti atau nama individu sebagai calon bebas
- Mereka harus kemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon

e. Syarat-syarat seseorang menjadi Pengundi atau Pemilih

- Seseorang pengundi yang berkelayakan boleh mengundi jika namanya didaftarkan dalam Senarai Daftar Pemilih.
- seseorang warganegara yang berumur 21 tahun
- bermastautin atau tidak bermastautin
- tinggal di mana-mana kawasan pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri, boleh mengundi dalam pilihan raya tersebut.
- Seseorang pengundi boleh mengundi dalam satu kawasan pilihan raya sahaja.
- Perlembagaan membenarkan anggota pasukan keselamatan, pelajar di luar negara dan pegawai kerajaan yang bertugas di luar negara mengundi melalui pos dengan syarat nama mereka didaftarkan sebagai pengundi.

f. Sebab Pilihan Raya penting kepada negara kita

- Proses untuk memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada diperingkat negeri atau persekutuan
- Kebebasan memilih dan menganggotai mana-mana parti politik yang mereka gemari

- Penting kepada semua warganegara dalam pemerintahan demokrasi
- Setiap warganegara bertanggungjawab mengambil tahu perkembangan politik semasa
- Rakyat harus melibatkan diri dalam memilih pemimpin dan menentukan bentuk kerajaan serta corak pemerintahan demokrasi melalui pilihanraya

Negara Persekutuan

a. Maksud Negara Persekutuan

- Persekutuan merupakan gabungan beberapa buah negeri untuk kepentingan bersama.
- Persekutuan merupakan satu kaedah menyatupadukan pelbagai wilayah yang dahulunya wujud berasingan.
- Persekutuan juga merujuk kepada pembahagian kuasa antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

b. Maksud Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama

- **Senarai Persekutuan** memuatkan bidang kuasa Persekutuan, iaitu hanya Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa terhadapnya.
- **Senarai Negeri** pula mengandungi bidang kuasa yang diperuntukkan kepada negeri, iaitu Kerajaan Negeri sahaja mempunyai kuasa terhadapnya.
- **Senarai Bersama** bermaksud kedua-dua kerajaan mempunyai kuasa terhadapnya.

c. Perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama

Senarai Persekutuan	Senarai Negeri	Senarai Bersama
Hal ehwal luar negeri	Undang-undang islam	Kebajikan sisial
Keselamatan dalam negaeri	Pertanian dan perhutanan	Taman negara
Pertahanan	Tanah	Penjagaan haiwan
Pilihanraya	Kerajaan tempatan	Parit dan taliair
Pentadbiran dan keadilan	Kerajaan negari	Hiburan awan
Pelajaran	Undang-undang negeri	Biasiswa
Kesihatan	Hari cuti negeri	Perancangan bandar dan wilayah
Keselamatan buruh dan sosial	Perkhidmatan tempatan	Pemulihan
Kerja raya dan tenaga pusat		Perhubungan awan
		Kesihatan dan kebersihan awan

KERAJAAN PERSEKUTUAN

a. Ciri-ciri kerajaan persekutuan

- Perlembagaan negara memberikan kuasa yang luas kepada Kerajaan Persekutuan dalam menjalankan pentadbiran negara.
- Bidang pentadbiran negara meliputi semua aspek perkhidmatan seperti perkhidmatan ekonomi, sosial, keselamatan dan pendidikan
- Badan pelaksana mempunyai tugas untuk menjalankan kuasa-kuasa eksekutif mengikut perlembagaan dan undang-undang yang sedia ada
- Mengikut Perlembagaan Persekutuan, kuasa eksekutif / Pelaksana peringkat pusat terletak pada Yang di-Pertuan Agong.
- Kabinet atau Jemaah Menteri ialah badan yang menjalankan kuasa eksekutif yang dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Jemaah Menteri diketuai oleh Perdana Menteri.

b. Ciri-ciri Kerajaan Negeri

- Perlembagaan Malaysia juga memperuntukkan kuasa eksekutif kepada setiap negeri.
- Diperingkat negeri kuasa eksekutif terletak pada Raja atau Sultan atau Yang Dipertua Negeri.
- Menteri Besar atau Ketua Menteri dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri daripada kalangan ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mendapat kepercayaan majoriti ahli dewan tersebut.
- Urusan pentadbiran negeri terletak kepada perlembagaan negeri.
- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) di Semenanjung dan Majlis Tertinggi di Sarawak serta Kabinet di Sabah mengandungi sebilangan ahli DUN serta tiga orang pegawai kerajaan (ex-officio), iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-Undang Negeri yang berperanan menjalankan dasar pentadbiran negara pada peringkat negeri.

Lambang Negara

- Rakyat perlu menunjukkan kesetiaan, kesanggupan untuk berkorban dan kecintaan terhadap tanah air
- Lambang Negara diwujudkan untuk melahirkan perasaan tersebut
- Antara lambang negara seperti Jata Negara, Bendera Kebangsaan dan Lagu Kebangsaan
- Tujuan :
 - a. Rakyat sentiasa bersemangat
 - b. Sentiasa bersatu padu
 - c. Sanggup berkorban untuk mempertahankan kedaulatan Negara

Jata Negara

a. Maksud yang terdapat dalam Jata Negara

- Empat jalur berlainan warna ditengah-tengah prisai merujuk kepada negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
- Negeri-negeri tersebut dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
- Warna hitam dan putih melambangkan negeri Pahang
- Warna merah dan kuning melambangkan negeri Selangor
- Warna hitam, putih dan kuning melambangkan negeri Perak
- Warna merah, hitam dan kuning melambangkan Negeri Sembilan
- Sekuntum bunga raya melambangkan bunga kebangsaan
- Bintang berpecah empat belas melambangkan gabungan empat belas buah negeri dalam Persekutuan Malaysia
- Lima bilah keris melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, terengganu dan Johor
- Negeri tersebut dulunya dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.
- Sebatang pokok pinang mewakili negeri Pulau Pinang.
- Bulan Sabit berwarna kuning bermaksud agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia
- Pokok Melaka melambangkan negeri Melaka
- Jata negeri Sabah dan Sarawak melambangkan kedua-dua negeri tersebut
- Dua ekor harimau membawa maksud keberanian
- Cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” bermaksud semangat permaufakatan akan mengeratkan lagi perpaduan antara negeri di Malaysia.

Bendera Kebangsaan

- Bendera kebangsaan berfungsi untuk membangkitkan semangat perjuangan
- Bendera kebangsaan mula dikebarkan dinegara ini sebaik sahaja bendera *Union Jack* diturunkan pada tengah malam 31 Ogos 1957

a. Maksud Tersirat pada Bendera Malaysia

- Warna merah melambangkan keberanian.
- Warna putih melambangkan kesucian
- Bendera kebangsaan mengandungi 14 jalur yang terdiri daripada warna merah dan putih yang melambangkan gabungan negeri di Malaysia
- Bulan sabit berwarna kuning melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi
- Bintang berpecah empat belas melambangkan gabungan empat belas buah negeri dalam Malaysia
- Warna kuning melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu
- Warna biru melambangkan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara kita

b. Kepentingan jalur gemilang / bendera malaysia

- Bendera kebangsaan membezakan negara kita dengan negara lain
- Untuk membangkitkan semangat perjuangan
- Dapat menimbulkan rasa bangga terhadap negara kita
- Pengibaran jalur gemilang menandakan ketaatan kepada raja dan negara
- Terasa lebih patriotik apabila jalur gemilang dikibar
- Menjadi lebih bersemangat apabila setiap rakyat menjadikan bendera kebangsaan sebagai simbol perpaduan, kebanggaan dan kedaulatan
- Kita bertanggungjawab menghargai, menghormati, memuliakan dan memahami maksud yang dilambangkan oleh bendera kebangsaan

Lagu Kebangsaan

a. Sejarah Perkembangan Lagu Kebangsaan

- Sebelum merdeka lagu kebangsaan negara kita ialah lagu kebangsaan British, iaitu *God Save the Queen*.
- Sekarang lagu kebangsaan kita dikenali dengan tajuk *Negaraku*.
- Lagu *Negaraku* dicipta pada tahun 1957.
- Pemilihan lagu ini dibuat oleh Tunku Abdul Rahman yang mengetuai sekumpulan jemaah hakim di Dewan Polis Depoh, Kuala Lumpur
- Pasukan Pancaragam Polis Diraja telah memperkenalkan empat buah lagu
- Lagu *Terang Bulan*, iaitu lagu kebangsaan negeri Perak telah dipilih kerana mempunyai unsure kemelayuan.
- Majlis Raja-Raja Melayu telah memperkenankan keputusan jemaah hakim tersebut.
- Lirik lagu kebangsaan ini telah digubah semula oleh En. Saiful Bahri berdasarkan lagu *Terang Bulan*.
- Lagi kebangsaan negara menggambarkan kesetiaan rakyat yang tidak berbelah bagi kepada tanah air.
- Lirik lagu kebangsaan juga menuntut rakyat negara ini supaya bersyukur dan taat kepada raja
- Membangkitkan semangat patriotik / cinta akan tanah air
- Sanggup berkorban demi mempertahankan negara.
- Semua orang berbangga dengan lagu kebangsaan

BAB 8 : PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

Rancangan Malaya Pertama

- Diperkenalkan sebelum merdeka lagi
- Matlamat Rancangan Malaya Pertama adalah
- Membangunkan kawasan luar bandar yang ditinggalkan penjajah tanpa pembangunan
- Merapatkan jurang pendapatan antara penduduk bandar luar bandar
- Mengurangkan kadar kemiskinan antara penduduk bandar dan luar bandar
- Pelbagaikan aktiviti ekonomi supaya negara tidak bergantung kepada getah dan timah

Usaha Rancangan Malaya Pertama dalam bidang Ekonomi, Sosial Dan Awan

- Pembukaan tanah baru untuk pertanian
- Penanaman semula getah oleh pekebun kecil secara ladang
- Pelbagaikan hasil keluaran pertanian
- Perusahaan perlombongan timah diperluaskan
- Memberi tumpuan dalam sektor kesihatan, pendidikan, dan perhubungan
- Tumpuan terhadap infrastruktur seperti balai polis, kem tentera, pejabat pos, mahkamah dan rumah kakitangan kerajaan.

Usaha-usaha yang dilakukan untuk mencapai pembangunan di kawasan luar bandar melalui Rancangan Malaya Pertama

- Pembangunan bersepadu – memberi penekanan dan perhatian dalam sektor ekonomi, sosial dan awan
- Pembukaan tanah baru di pergiatkan – penanaman getah secara ladang dan pelbagaikan keluaran hasil pertanian
- Perusahaan timah diperluaskan
- Pelbagai perkhidmatan diberi perhatian seperti kesihatan, pendidikan dan perhubungan
- FELDA ditubuhkan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar disamping meningkatkan hasil pengeluaran pertanian
- RIDA ditubuhkan untuk membangunkan masyarakat luar bandar
- Menggalakkan penyertaan orang melayu dalam sektor perniagaan
- Sediakan pinjaman kepada pengusaha pertanian kecil
- Membantu memasarkan hasil-hasil pertanian petani.
- Menyediakan pertempatan baru yang mempunyai pelbagai kemudahan asas kepada penduduk
- Pindahkan penduduk luar bandar yang miskin ke pertempatan baru untuk dijadikan petani moden
- Memberi tumpuan kepada penanaman getah dan kelapa sawit
- Menubuhkan Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar yang di ketuai Oleh Dato Abdul Razak pada tahun 1959
- Berperanan menyelaraskan dan menjayakan program pembangunan luar bandar
- Meletakkan RIDA dan FELDA dibawah kementerian ini

Rancangan Malaya Kedua

- Kesenambungan Rancangan Malaya Pertama kerana masih lagi memberi tumpuan kepada penduduk luar bandar
- Matlamat rancangan malaya kedua adalah seperti berikut
- Merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar
- Mengurangkan kadar kemiskinan penduduk dikawasan luar bandar
- Meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum

Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menjayakan Rancangan Malaya Kedua

FELDA

- Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar
- Meningkatkan hasil pertanian negara.
- Membuka tanah baru secara besar-besaran untuk pertanian dan petempatan baru.
- Memindahkan penduduk luar bandar yang miskin ke petempatan baru
- Mempelbagaikan jenis tanaman
- Mengurangkan pergantungan kepada getah dan bahan makanan import

FAMA

- Membantu mengatasi masalah pemasaran hasil pertanian
- Berusaha untuk meningkatkan pendapatan negara
- Penyediaan infrastruktur sosial seperti pelajaran, kesihatan dan perumahan
- Menyediakan peluang pekerjaan juga diberi perhatian
- Mewujudkan bilik gerakan untuk menyelaraskan kegiatan pembangunan pada peringkat negeri, daerah dan kampung
- Memperkenalkan buku merah yang mengandungi program, pelaksanaan dan kaedah mengesan tahap pencapaian.

Rancangan Malaysia Pertama

- Rancangan Malaysia Pertama merupakan Rancangan Lima tahun yang pertama selepas Penubuhan Malaysia 1963
- Tumpuan utama Rancangan Malaysia Pertama seperti
- Memastikan program pembabgunan berfokuskan kesejahteraan rakyat bagi mewujudkan integrasi nasional antara penduduk sabah, sarawak dan semenanjung tanah melayu
- Bersifat bersepadu dan merangkumi pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian dan perindustrian
- FELCRA ditubuhkan untuk membantu FELDA menjalankan pembangunan ekonomi dikawasan luar bandar
- MARA - Untuk menggalakkan penyertaan bumiputra dalam sektor perusahaan dan perdagangan
- Mengiatkan lagi penglibatan bumiputera dalam bidang perusahaan dan perindustrian
- MARDI - Menjalankan penyelidikan dan memperkenalkan teknologi bagi meningkatkan keluaran hasil pertanian kecuali getah
- MIDA - Menggalakkan pertumbuhan industri baru
- Akta pelaburan untuk menggalakkan industri baru

b. Agensi-agensi yang terlibat / peranannya dalam rancangan pembangunan tahap pertama

RIDA (MARA)

- Membangunkan masyarakat luar bandar.
- Memberi pinjaman kepada pengusaha pertanian kecil.
- Membantu pemasaran hasil pertanian.
